

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 26/10/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 10

Global ICA bincang hala tuju koperasi

Sinar Harian
M/S 10 (26/10/2017)

PETALING JAYA - Persidangan Global Persekutuan Koperasi Antarabangsa (ICAKL) 2017 bakal menghimpun 1,600 delegasi dari 93 negara di seluruh dunia bermula 13 hingga 17 November depan.

Persidangan ini menyaksikan Malaysia menerusi Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dipilih sebagai tuan rumah buat pertama kali.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, persidangan global bertemakan *Co-operative: Putting People At The Centre of Development* fokus menetapkan hala tuju koperasi ke arah capai matlamat pembangunan mampan.

"Koperasi juga memainkan peranan penting dalam pelbagai bidang termasuk pembangunan belia, membasmi kemiskinan dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Melalui



Abdul Fattah (dua, kanan) berharap koperasi memainkan peranan lebih besar ke arah mencapai pembangunan mampan.

persidangan global ini diharapkan pelbagai isu dapat dibincangkan mengikut tema persidangan.

"Pada hari terakhir program, perhimpunan agung akan diadakan bagi menjalankan mesyuarat agung

untuk menentukan dasar dan polisi ICA selain mengesahkan laporan kewangan dan pemilihan ahli lembaga yang baharu," katanya pada sesi taklimat media Persidangan Global ICA 2017, semalam.

PERPUSTAKAAN Koperasi
Malaysia